



PERPUSTAKAAN IPG	
Kampus Pend. Teknik	
No. Perolehan:	THE 0001361
Tarikh Perolehan:	22/10/2020
Harga:	-
Bil. Naskah:	
No. Pengkelasan:	THE 1361
Punca:	IPG/KPT

KEBERKESANAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU BELAJAR
BERASASKAN PETAK DARAB DALAM MENINGKATKAN PENCAPAIAN
PENDARABAN MURID TAHUN TIGA

SAZWANI BINTI ELIASSAK

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian Pendidikan
Matematik

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK

MEI 2020

II



ABSTRAK

Penggunaan Bahan Bantu Belajar (BBB) amat penting kepada guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap keberkesanan penggunaan BBB berasaskan petak darab dalam meningkatkan pencapaian pendaraban murid tahun tiga. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kajian kuasi eksperimental. Data pencapaian murid dikumpul dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca. Seramai 60 orang murid tahun tiga di sebuah sekolah di daerah Seremban dipilih secara rawak mudah. Murid diberikan ujian pra untuk menguji tahap pengetahuan sedia ada. Kemudian, murid dibahagikan kepada dua kumpulan sama rata iaitu 30 orang murid kumpulan kawalan dan 30 orang murid kumpulan rawatan. Kedua-dua kumpulan diberikan ujian pos selepas sesi rawatan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) dan hasil dapatan dilaporkan dalam bentuk min dan ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan bahawa min bagi BBB berasaskan petak darab (76.33) adalah lebih tinggi berbanding dengan menghafal sifir (49.33). Oleh itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pasca dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dengan $p = 0.000 < 0.05$. Kajian ini membuktikan bahawa petak darab boleh dijadikan sebagai BBB yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid. Sehubungan dengan itu, diharapkan kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada murid, guru serta pihak sekolah. Melalui cadangan penambahbaikan dalam kajian ini diharapkan dapat membantu kajian pada masa akan datang.

Kata kunci: Keberkesanan, Bahan Bantu Belajar, Petak Darab

ABSTRACT

The use of teaching aids is important for teachers in teaching and learning. This research aims to identify the effectiveness of using teaching aids based on multiply square in enhancing multiplication proficiency among year three pupils. The design of this study is quantitative, using a quasi-experimental. Student's performance data is collected using pre-test and post-test. Samples was taken using simple random from the 60 pupils from a school in Seremban area. Pupils was given a pre-test to test a pupil's prior knowledge. Then the pupils were divided into two equal groups of 30 pupils in the control group and 30 pupils for the experimental group. Both of the groups are given a post-test after the treatment session. Data analysis is processed using the Statistical Packages for Social Sciences, and the findings was reported in the form of mean and t-test. The results showed that the mean for the treatment group (76.33) was higher than the control group (49.33). Therefore, there was a significant difference between the mean post-test scores in the control and treatment groups with $p = 0.00 < 0.05$. The results showed teaching aids based on multiply square could improve pupil achievement. Therefore, it was hoped that this study will provide awareness to students, teachers, and school administrators. Through the suggestions for improvement in this study, it hopes that it will help in future studies.

Keywords: Effectiveness, Teaching aids, Multiply square